



TEKS UCAPAN
YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

SEMPENA

KWP SIHAT & HEBAT

18 OGOS 2022 | 10 PAGI |
DEWAN SERBAGUNA,
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Assalammualaikum WBT dan salam sejahtera.

- 1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana atas izinNya juga, dapatlah kita bersama-sama berkumpul pada sambutan Hari Kesedaran Kesihatan Peringkat Wilayah Persekutuan 2022 yang dinamakan KWP Sihat & Hebat buat julung kalinya.**
- 2. Ini adalah antara usaha bagi menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan warga Kementerian Wilayah Persekutuan, dan dalam masa yang sama menyokong Agenda Nasional Malaysia Sihat yang dilancarkan Perdana Menteri kita Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada 11 November tahun lepas.**
- 3. Berdasarkan Badan Kesihatan Sedunia (WHO), kesihatan seseorang individu itu diukur bukanlah semata-mata bebas daripada penyakit, tetapi mempunyai kesejahteraan yang sempurna daripada segi fizikal, mental dan sosial.**
- 4. Justeru, di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan serta agensi-agensi di bawahnya, kita sentiasa menyokong usaha yang diperkenalkan bagi tujuan membudayakan kehidupan sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan secara holistik.**
- 5. Setiap acara perlulah dipastikan Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan sentiasa diamalkan, biarpun kini negara sedang melalui Fasa Peralihan ke Endemik. Warga kementerian sering kali diingatkan tentang pematuhan terhadap norma baharu serta mengamalkan kawalan kesihatan kendiri bagi melindungi diri dan orang di sekeliling.**
- 6. Suka saya mengingatkan warga kementerian ini agar membudayakan hidup sihat dengan menjalankan aktiviti**

fizikal, makan secara sihat dan menjaga kesihatan mental bagi mengukuhkan lagi daya ketahanan badan melawan penyakit. Ini secara tidak langsung dapat mewujudkan persekitaran kerja yang lebih sihat dan harmoni.

7. Maka program hari ini adalah peluang untuk warga kementerian ini menjalani pelbagai aktiviti yang dirancang dengan bantuan dan sokongan daripada Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya.

8. Untuk sepanjang hari ini, pelbagai program telah diatur termasuklah pameran dan aktiviti kecergasan; Ujian BMI; ujian kolestrol dan tekanan darah, pemeriksaan dan rawatan gigi serta pemeriksaan kanser serviks secara percuma.

9. Warga Kementerian Wilayah Persekutuan juga dialu-alukan ke WiPers Performance Center untuk melihat perkhidmatan yang diberikan kepada warga kementerian serta berpeluang mencuba aktiviti kecergasan yang ada.

10. Akhir kata, besarlah harapan saya agar KWP Sihat & Hebat ini bakal diteruskan sebagai acara tahunan bagi memastikan warga Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa sihat dan sekali gus dapat meningkatkan lagi produktiviti tenaga kerja pada setiap masa.

11. Maka dengan lafadz **BISMILLAHIRRAHMAANIRRAHIM**, saya melancarkan “KWP SIHAT & HEBAT”.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum WBT